



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	9/11/2019
JABATAN	:	JPS / BANJIR
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

# Penduduk resah rumah masuk air ketika hujan lebat

Bumbung flat empat tingkat diterbang angin sejak awal bulan lalu

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
tuty@bh.com.my

**Seremban:** Sejak hampir sebulan lalu, penduduk di Flat Sri Rasah di sini, resah apabila rumah mereka dimasuki air ketika hujan lebat. Ini berikutan bumbung flat empat tingkat itu diterbangkan angin dalam kejadian hujan lebat beserta angin kuat, awal bulan lalu.

Sejak itu, rumah di tingkat dua hingga empat akan dimasuki air setiap kali hujan, sehingga menyukarkan penduduk menjalani kehidupan seharian.

Penduduk, M Indran, 29, berkata dia kini tidak lagi tinggal di rumah sewanya kerana setiap kali hujan, air akan masuk di setiap penjuru rumah.

Penyela keselamatan itu berkata, ketika ini dia menumpang di rumah ibunya di tingkat satu flat sama, berikutan hanya rumah di tingkat itu tidak terjejas.

"Saya tidak boleh lagi tinggal di rumah sewa kerana air akan masuk setiap kali hujan. Ketika ini saya dalam proses pindahkan perabot," katanya ketika ditemui di Flat Sri Rasah, di sini.

Bapa kepada seorang anak itu berkata, dia sudah tinggal di flat

itu sejak kecil dan ia kejadian pertama bumbung kediaman yang dijina pada 1985 diterbangkan angin.

Sementara itu, Pauline George, 31, berkata banyak kenderaan yang diletakkan di bawah flat dua blok itu rosak, selepas bumbung diterbangkan angin.

Katanya, penduduk menanggung kerugian yang besar, selain terpaksa berpindah masalah air hujan masuk ke rumah.

"Mujur ketika ini tingkat empat di kedua-dua blok tidak berpeghuni, tetapi mereka yang tinggal di tingkat dua dan tiga menjadi mangsa kerana air masuk dari tingkat atas rumah.

"Selain bumbung rosak, setiap tangga di flat ini gelap. Pernah ada beberapa kes penduduk terjatuh sehingga patah kaki," katanya.



**Kok Seong (kiri) meninjau keadaan Flat Sri Rasah, di Seremban, semalam.**  
(Foto Adzlan Sidek/BH)

Sementara itu, kerajaan negeri memperuntukkan lebih RM50,000 bagi memperbaiki bumbung dan saliran air di flat berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong, berkata kerja memperbaiki bumbung dijangka dimulakan dua minggu lagi.

"Kerja memperbaiki bumbung flat ini dijangka siap sepenuhnya akhir bulan depan.

"Saya harap dengan bantuan ini, lebih 150 penduduk akan ting-

gal dengan lebih selesa selepas ini," katanya selepas melawat Flat Sri Rasah, di sini.

Mengenai peruntukan lain, termasuk untuk memperbaiki longkang dan lampu yang rosak, Kok Seong berkata, pihaknya akan melihat keutamaan terlebih dahulu.

Katanya, kegagalan penduduk membayar yuran penyelenggaraan menimbulkan banyak masalah di flat itu.

Justeru, katanya, penduduk perlu memastikan yuran dibayar supaya flat itu dapat diruruskan dengan lebih baik.